

Pencarut jadi pujaan



DUNIA
BAHARU 2022
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

Kata orang dulu-dulu, 'terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya'. Kata orang sekarang, 'terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata barulah glamor'.

Kata orang dulu-dulu, 'kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa'. Kata orang sekarang, 'kerana pulut santan binasa, kerana mulut followers bertambah sekelip mata'.

Saya dan tentunya kita semua sejak kecil diasuh secara langsung atau tidak langsung supaya menjaga mulut. Datuk, nenek, emak dan bapa akan berpesan kepada kita supaya jangan cakap benda bukan-bukan, jangan gunakan bahasa kesat, jangan mencarut dan pelbagai lagi larangan seumpamanya yang disesuaikan dengan kehendak adat resam serta tuntutan agama.

Mungkin ada kes-kes terencil ibu bapa bermulut celopar dan tidak kisah dengan tutur kata anak-anak mereka tetapi kes-kes begitu sangat sedikit. Yang banyak adalah jenis dia boleh celopar tetapi anak isterinya tidak boleh. Kepentingan menjaga mulut bukan

sahaja terbatas pada masyarakat kita tetapi meliputi umat manusia seantero dunia.

Belum pernah saya terjumpa mana-mana negara menggalakkan rakyatnya berbahasa kesat. Sebaliknya, di banyak negara, bahasa kesat dan tentunya termasuk carut-marut boleh menyebabkan anda diheret ke mahkamah.

Antaranya, Australia, Brazil, India, Pakistan, Rusia dan Filipina. Di negara kita pun ada peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang membolehkan seseorang itu berdepan hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Walaupun telah diajar supaya 'jangan' dan ada pula peruntukan undang-undang, ia tidak menghalang manusia berbahasa kesat. Satu kajian menunjukkan secara purata seseorang itu menggunakan 0.5 peratus hingga 0.7 peratus perkataan kesat daripada seluruh perkataan yang digunakannya setiap hari (Nerbonne, G.Patrick; Hipskind, Nicholas M. (1972)).

Dapatan kajian yang dibuat *Angus Reid Public Opinion* pada Julai 2010 menunjukkan orang Kanada lebih kerap berbahasa kesat berbanding orang Amerika dan Britain.

Penyelidikan oleh Jay dan Janschewitz (2012) menunjukkan sumpah seranah muncul pada usia seawal dua tahun. Apabila kanak-kanak me-

masuk sekolah, mereka mempunyai kira-kira 30 hingga 40 perbendaharaan kata perkataan 'yang menyinggung' dan pada usia 11 hingga 12 tahun, keupayaan mereka untuk menyumpah seranah sama dengan orang dewasa.

Semua kenyataan di atas membuktikan bahawa menggunakan bahasa kesat merupakan sebahagian kehidupan manusia tidak mengira tempat dan batas usia.

Namun, dahulu keadaan masih terkawal. Hanya mereka yang mulutnya benar-benar berskala longkang sahaja mampu berbahasa kesat, menyumpah seranah dan mencarut secara terbuka.

Majoriti manusia lain tetap berusaha menjaga tutur kata. Kalaupun bukan kerana rasa bersalah dan berdosa, mereka sekurang-kurangnya berasa segan serta malu untuk bercakap 'main lepas sesedap rasa', sebab orang yang celopar pada pandangan umum, rendah akhlakunya.

Tetapi sejak dunia hilang sempadannya, persepsi manusia terhadap kata-kata kesat dan sumpah seranah telah berubah. Ia hanya menjadi salah jika dilakukan oleh orang lain tetapi 'tak salah' jika diri sendiri melakukannya.

Susulan tanggapan tunggang-terbalik itu, perbuatan sedemikian pun mula diterima sebagai satu cara hidup dan seterusnya diangkat sebagai budaya.

Sekarang kita tidak lagi rasa jijik, geli atau marah apabila berdepan dengan

perkataan kesat dan tidak senonoh. Ia boleh ditemui dengan banyaknya di ruang siber.

Dengan bantuan teknologi sedia ada, seseorang itu boleh melakukan apa sahaja bersendirian tanpa kehadiran orang lain. Ia salah satu sebab penggunaan kata-kata kesat berkembang pantas.

Kita tidak perlu lagi segan kepada sesiapa untuk menggunakannya, sama ada dengan jari yang menaip atau dengan mulut yang bercakap.

Tujuan penggunaan kata-kata kesat juga telah berubah. Kalau dahulu ia mungkin satu cara melepaskan geram atau kadang-kadang berseloroh, sekarang ia sudah menjadi satu cara mencari rezeki.

Ramai orang meraih populariti dengan mempamerkan kebolehannya memaki hamun dan menyumpah seranah. Tidak sedikit pengaruh media sosial mencari makan dengan cara itu. Di pentas politik pun begitu. Ramai yang dua kali lima.

Perkembangan budaya itu yang begitu pantas menjadikan saya sedikit gusar membayangkan masa hadapan anak bangsa. Semakin difikirkan semakin rimas. Dan adakala kerana terlalu rimas, saya terasa seperti hendak mencarut juga. #dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi pernah berkhidmat sebagai seorang setiausaha politik dan juga bekas wakil rakyat.*

Apa nak buat selepas mengundi?



MAAF
CAKAP
NORDEN MOHAMED

Sabtu ini, 21 juta rakyat yang mendaftar sebagai pemilih akan mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Ia adalah proses memilih kerajaan dalam sistem demokrasi berparlimen Malaysia.

Walau apa pun keputusannya, rakyat Malaysia telah mula matang memilih kerajaan. Ini kerana sejak PRU13, kerusi di-menangi Barisan Nasional (BN) mula merosot apabila pemilih berani beralih selera. Jika pada PRU12, BN memperoleh 140 kerusi dan Pakatan Rakyat (PR) pula 82 kerusi, pada PRU13, jumlah kerusi BN merosot menjadi 133 kerusi dan pembangkang pula memperoleh 89 kerusi.

Pada PRU14, kerusi BN merosot lagi kepada 79 kerusi dan Pakatan Harapan (PH) pula 104 kerusi. Jika sudah tiga kali berturut-turut pengundi mula beralih daripada mengundi BN, ia adalah cabaran besar buat parti itu pada PRU15.

Lebih sejuta pengundi kali pertama bakal memberi kesan di kawasan-kawasan marginal. Mereka belum pernah mengundi. Namun, maaf cakap mereka sudah mumayiz, sudah akil baligh, sudah boleh berfikir dan membuat keputusan.

Keputusan mereka pula adalah berdasarkan apa yang mereka lihat dan dengar, audio serta visual. Itulah pendedahan yang menyentuh kepekaan mereka dan kita perlu hormati pilihan mereka. Tidak bolehlah nanti kita mengaitkan mereka sebagai faktor perosak kepada kedudukan kerusi mana-mana pihak.

Pemilih sebenarnya terdiri daripada beberapa kumpulan. Pertama, pengundi yang memilih berdasarkan parti, terdiri daripada jentera parti dan pengundi veteran yang tidak akan menukar pilihan.

Kedua, mereka yang mengundi calon yang dikenali. Barangkali calon dipilih adalah orang kampung, saudara mahupun individu yang kerap mereka nampak di media. Ketiga, pemilih yang mengundi calon yang pernah mereka temui secara */live*, menghadiri ceramahnya, menemui calon itu di majlis-majlis keramaian, majlis rasmi dan sempat bersalaman.

Keempat, mereka yang memilih berdasarkan cadangan orang terdekat dan dipercayai seperti ahli keluarga serta ka-

wan.

Kelima, ada juga pengundi memilih calon kerana rasa terutang budi sebab mendapat bantuan daripada calon itu tatkala menjadi mangsa banjir, kebakaran, sokongan permohonan derma untuk surau mahupun jersi bola sepak.

Pertimbangan ras dan agama nampaknya menjadi faktor pertimbangan pengundi. Mereka dalam kumpulan keenam mengundi kerana berasa bangsa akan terbela bila memilih seseorang calon. Atau rasa masa depan agama akan lebih terjamin jika memilih calon berkenaan.

Kepakaran seseorang sebagai ahli ekonomi mahupun diplomatik tidak menjadi kriteria utama bagi majoriti pengundi. Mereka dalam kumpulan ketujuh, mengundi berdasarkan ikut-ikutan. Biasanya mereka mengundi saat-saat akhir ketika berbaris sebelum melangkah ke bilik mengundi.

Dan kumpulan terakhir, mereka yang memilih untuk tidak memilih. Mungkin mereka akan rosakkan kertas undi atau sengaja tidak datang mengundi atas sebab-sebab tersendiri.

Walau apa pun keputusannya, kita mestilah menghormatinya. Setiap kali kita melihat keputusan satu demi satu kerusi diumumkan, yang boleh kita lakukan ada-

lah mencatat skor di akhbar atau komputer. Bolehlah kalau kita hendak membebel dan mengata tetapi biarlah setakat itu sahaja.

Terimalah apa sahaja keputusan dengan berlapang dada. Kesemua calon yang terpilih pasti sudah memberi jasa kepada negara, apatah lagi kepada penduduk setempat walaupun ada dalam kalangan calon yang menang itu baru kali pertama menjadi Yang Berhormat.

Lagi pula, ALLAH SWT telah tunjuk kepada kita – parti komponen BN, Perikatan Nasional (PN), PH dan Pejuang pernah memerintah negara. Mereka juga pernah menjadi pembangkang.

Masing-masing tidak mungkin dengan sengaja mahu merosakkan negara, tanah tumpah darah mereka sendiri. Mereka orang yang mempunyai kemahiran bercakap dalam bentuk syarahan, ceramah dan kritikan di pentas politik. Itu profesion mereka.

Di belakang pentas, mereka kesemuanya biasa duduk semeja bertepuk tamar dan bergurau senda. Kita sebagai rakyat, jangan *over* sangat seperti penonton gusti di kedai kopi!

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*